

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam mengurangkan kerja pengkeranian para guru supaya mereka boleh memberikan fokus sebaiknya untuk sesi pengajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) kepada pelajar.

JAWAPAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru (JKMBTG) telah ditubuhkan pada 30 Ogos 2018. JKMBTG telah menggariskan beberapa inisiatif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi menangani beban tugas guru. Ini bertujuan untuk menjadikan pengurusan di sekolah lebih efisien, ringkas dan tidak berulang. Sehingga kini, sebanyak 14 inisiatif telah diumumkan dan dilaksanakan.

Antara usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2019 bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi
- ii. Pengurusan data & sistem online
- iii. Penyeragaman borang dan proses pemantauan
- iv. Sistem Rekod Kesihatan Murid secara dalam talian (e-RKM)

NO. SOALAN : 19

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga sedang melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi sumber manusia di sekolah melalui senarai tugas guru - Rendah dan Menengah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG). MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat (4) komponen pengurusan sekolah iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum. Tugas-tugas yang dikenal pasti tidak relevan dengan tugas guru dan tidak mempunyai punca kuasa yang sah akan dihapuskan atau dijajarkan kepada pihak-pihak yang bersesuaian. Ini dapat memberi ruang kepada guru untuk memberikan tumpuan penuh terhadap usaha ke arah kemenjadian murid.

Selain itu, KPM juga sedang membangunkan *Single Sign On* (SSO) yang merupakan inisiatif baharu untuk memudahkan guru membuat capaian sistem melalui gerbang tunggal di portal KPM dengan hanya menggunakan satu Login ID dan Password. Inisiatif SSO ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2022.

Sekian, terima kasih.